



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
MEI 2024

Indeks harga seunit papan lapis mencatatkan peningkatan 1.6 peratus pada Mei 2024

PUTRAJAYA, 11 Jun 2024 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, MEI 2024**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan indeks harga seunit papan lapis mencatatkan peningkatan 1.6 peratus bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu, indeks harga seunit batu baur merekodkan peningkatan antara 0.2 peratus hingga 1.7 peratus bagi kebanyakan kawasan pada Mei 2024 berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi di Perak (1.7%), diikuti dengan kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.8%) dan kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.2%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa perbandingan bulanan mencatatkan tiada perubahan dalam indeks harga seunit bagi besi bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Terdapat peningkatan kecil dalam indeks harga bahan ini di kawasan Kuching (1.0%) dan Kota Kinabalu (0.2%). Sementara itu, penurunan dalam indeks harga bahan ini direkodkan bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-0.1%) dan Tawau (-0.2%).

Perbandingan bulanan turut mencatatkan indeks seunit harga simen kekal tidak berubah bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada Mei 2024. Namun begitu, terdapat sedikit peningkatan dalam indeks harga bahan bagi kawasan Terengganu & Kelantan (0.5%) dan Perak (0.4%).

Perbandingan tahunan untuk tempoh Mei 2023 dan Mei 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 0.4 peratus hingga 3.0 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit simen telah dicatatkan bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah & Perlis (3.0%), diikuti oleh Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.6%) dan Terengganu & Kelantan (2.4%).

Indeks harga seunit besi pula mencatatkan sedikit penurunan antara negatif 0.3 peratus hingga negatif 5.2 peratus pada Mei 2024 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Namun begitu, terdapat sedikit peningkatan bagi indeks bahan ini di Johor (0.7%).

Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* merekodkan peningkatan kecil (0.7%) dengan purata harga RM3,730.46 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (April 2024: RM3,702.88 per tan metrik). Manakala purata harga simen (*Ordinary Portland*) mencatatkan peningkatan kecil (0.1%) dengan purata harga RM23.04 per 50 kg sekarung berbanding April 2024 (RM23.01 per 50 kg sekarung).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli bagi semua kategori bangunan pada bulan Mei 2024 meningkat antara 0.1 peratus hingga 1.2 peratus bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia. Namun begitu, terdapat sedikit penurunan antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.2 peratus bagi IKB termasuk bar keluli bagi kategori bangunan Bangunan Kayu dan Cerucuk Kayu di Selangor, W.P Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan.

IKB termasuk bar keluli di Sabah juga menunjukkan peningkatan kecil iaitu antara 0.1 peratus dan 0.3 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu kecuali Kerangka Besi Satu tingkat (Bangunan) dan Kerangka Besi Satu Tingkat (Menara

sahaja). IKB termasuk bar keluli di Sandakan menunjukkan penurunan kecil iaitu antara negatif 0.1 peratus hingga negatif 0.3 peratus bagi kategori Bangunan Kayu, Cerucuk Kayu dan Cerucuk (Konkrit Tetulang) pada Mei 2024 berbanding bulan sebelumnya. Selain daripada itu, IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Tawau pula menunjukkan penurunan kecil (-0.1%).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli di Sarawak pada Mei 2024 menunjukkan peningkatan kecil dalam indeks iaitu 0.1 peratus hingga 0.5 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kuching. Manakala IKB termasuk bar keluli bagi hampir semua kategori bangunan di Sibu dan Miri pula kekal tidak berubah.

Berdasarkan perspektif global, menurut artikel dari laman sesawang World Bank, Mei 2024, indeks harga logam dan mineral meningkat sembilan peratus pada April 2024 (bulan-ke-bulan). Kenaikan harga baru-baru ini mencerminkan sentimen positif tentang permintaan yang lebih kukuh di tengah-tengah kebimbangan gangguan bekalan untuk beberapa logam utama. Harga logam asas dijangka kekal stabil pada 2024, sebelum meningkat sedikit pada 2025. Rangsangan tambahan dalam sektor hartanah di China dan gangguan bekalan merupakan risiko kenaikan utama dalam ramalan harga.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 11 Jun 2024

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2023 – Mei 2024



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2023 – Mei 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 JUN 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, June 11, 2024



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
MAY 2024**

The price index of plywood recorded an increase of 1.6 per cent in May 2024

PUTRAJAYA, June 11, 2024 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, MAY 2024. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that, the unit price index of plywood recorded an increase of 1.6 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. Apart from that, the unit price index of aggregates recorded an increase between 0.2 per cent to 1.7 per cent for almost all areas in May 2024 as compared to the previous month. The highest increase was in Perak (1.7%), followed by Pulau Pinang, Kedah & Perlis (0.8%) and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.2%).

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the monthly comparison of steel showed that the unit price index remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. There was a slight increase in price index of steel in Kuching (1.0%) and Kota Kinabalu (0.2%). Meanwhile, the unit price index of these materials recorded a slight decrease in Pulau Pinang, Kedah & Perlis (-0.1%) and Tawau (-0.2%).

The monthly comparison of cement showed that the unit price index remained unchanged for almost all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak in May 2024. However, there was a slight increase for these materials price index in Terengganu & Kelantan (0.5%) and Perak (0.4%).

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, June 11, 2024

An annual comparison for the period of May 2023 and May 2024 showed that the unit price index of cement increased between 0.4 per cent to 3.0 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was in Pulau Pinang, Kedah & Perlis (3.0%), followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (2.6%) and Terengganu & Kelantan (2.4%).

An annual comparison of the average price per unit of steel recorded a decrease between negative 0.3 per cent to negative 5.2 per cent as compared to the same month last year. However, there was a slight increase for these materials price index in Johor (0.7%).

The Chief Statistician of Malaysia elaborated that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars recorded an increase (0.7%) with an average price of RM3,730.46 per metric tonne as compared to the previous month (April 2024: RM3,702.88 per metric tonne). Meanwhile, the average price of cement (Ordinary Portland) recorded a marginal increase (0.1%) with an average price of RM23.04 per 50 kg bag as compared to April 2024 (RM23.01 per 50 kg bag).

The month on month of BCI with steel bars for all building categories in May 2024 increased between 0.1 per cent to 1.2 per cent for almost all areas in Peninsular Malaysia. However, there was a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.2 per cent for BCI with steel bars for Timber Building and Timber Piling in Selangor, W.P Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan.

BCI with steel bars in Sabah also showed a slight increase, which was between 0.1 per cent to 0.3 per cent for almost all building categories in Kota Kinabalu except for Single-Storey Steel Frame (Building) and Single-Storey Steel Frame (Tower only). BCI with steel bars in Sandakan showed a slight decrease between negative 0.1 per cent to negative 0.3 per cent for Timber Building, Timber Piling and Piling (Reinforced Concrete) in May 2024 as compared to the previous month. Meanwhile, the index for almost all others building categories in Tawau showed a slight decrease (-0.1%).

A monthly comparison of BCI with steel bars in Sarawak for May 2024 registered an increase between 0.1 per cent to 0.5 per cent for almost all categories of buildings in Kuching. Meanwhile, BCI with steel bars for almost all others building categories in Sibu and Miri remained unchanged.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, June 11, 2024


On a global perspective, according to the article from World Bank's website in May 2024, metals and minerals price index increased nine per cent in April 2024 (month-on-month), following a relatively stable first quarter. Recent price increases reflected positive sentiment about stronger demand amid concerns of supply disruptions for some key metals. Base metal prices are expected to remain steady in 2024, before rising slightly in 2025. Additional stimulus for China's property sector and supply disruptions are key upside risks to the price forecast.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2023 – May 2024



Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, June 11, 2024

Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2023 – May 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

11 JUNE 2024